

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN:

Air (*al-Ma'*) yang disebut enam puluh tiga kali di dalam al-Quran¹ dianggap sebagai ciptaan Allah s.w.t yang kedua hebat selepas manusia.² Air yang berkitaran secara semulajadi (hidrologi) merupakan ketetapan dan anugerah Allah s.w.t yang tidak ternilai serta penting terhadap kelangsungan hidup makhluk, keseimbangan ekologi dan kesihatan awam. Malah, semua makhluk dicipta dengan air.³ Namun, kualiti air terjejas dengan masalah pencemaran dan perbuatan tidak bermoral manusia. Sedangkan, air merupakan medium praktik penyucian diri daripada hadas seperti *ghusl* yang bersifat maknawi dan *wudu'* yang bersifat majazi atau maknawi serta menjadi syarat ibadat tertentu.⁴

Undang-undang Islam atau syari'ah antara mekanisme alternatif terbaik bagi mencegah pencemaran dan mengawal kualiti air. Terminologi syari'ah itu sendiri secara linguistiknya bermaksud sumber air yang menjadi tumpuan orang ramai sebagai minuman dan aktiviti lain.⁵ Pendekatannya yang merangkumi elemen pemeliharaan, pencegahan dan pemuliharaan ini banyak persamaan dengan pendekatan undang-undang moden malah dilihat lebih komprehensif dan universal yang bukan hanya boleh diterima dan digunapakai

¹ Abdul Baqi, M. F. (1987), *Al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Fath al-Qur'an al-Karim*. Dar al-Hadith: Cairo. h. 141.

² Hussein A. Amery (2001) "Islam and The Environment" dalam Naser I. Faruqi *et al.* (2001), *Water Management in Islam*. United States of America: United Nations University Press. h. 40.

³ *Surah al-Anbiya'* (21): 30.

⁴ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1996), "Babtis, Wuduk dan *Ghusl*: Suatu Kajian Perbandingan", *Jurnal Syariah*, Jil. 4 Bil. 2, Januari 1996, hh. 155-157.

⁵ Ibnu Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Fikr, jil.8, hh. 174-175.

di peringkat domestik malah di peringkat antarabangsa. Ciri-ciri ini menjadikan undang-undang Islam begitu kondusif untuk dikaji kerana krisis air juga merupakan isu global.

1.2 LATARBELAKANG KAJIAN:

Akses terhadap air dengan kualiti yang menepati standard untuk keperluan kesihatan dan sanitasi merupakan suatu hak asasi. Namun, air yang bersih semakin sukar didapati dengan masalah pencemaran yang berleluasa. Apabila kualiti air semakin terjejas ianya juga menjelaskan kuantiti air. Pelbagai masalah dan halangan pengurusan air ini sehingga dijangkakan boleh membawa kepada peperangan. Timbalan Presiden Bank Dunia, Ismail Serageldin pernah berkata "*If the wars of this century were fought over oil, the wars of the next century will be fought over water*".⁶ Keseriusan masalah ini mendorong kepada penyelidikan yang menyeluruh dan berterusan.

Masalah kekurangan kuantiti air misalnya dihadapi secara kritikal oleh negara-negara yang menerima taburan hujan yang rendah seperti di Timur Tengah dan Afrika Utara (*Middle East and North Africa* atau MENA). Pengurusan air di MENA sangat mencabar dan telah mengetengahkan pendekatan pengurusan air Islam sebagai solusi semasa. Bagi negara-negara yang basah dan lembab sepanjang tahun seperti di Malaysia, masalah kuantiti air bukan masalah utama tetapi masalah pencemaran air yang menjejaskan kualiti air. Kebanyakan negara-negara membangun menghadapi masalah yang sama. Proses pembangunan dan aktiviti ekonomi yang rancak menyebabkan banyak sungai menjadi tempat buangan sisa industri dan domestik. Undang-undang yang ada masih gagal

⁶ S.M John Kennedy (2006), "Pure Water is The Fundamental Right of All", *Journal of Dharma* 31, 4 (Oktober-Disember 2006) h. 485.

mengawal pencemaran air kerana masyarakat di negara membangun ini masih belum peka dengan etika alam sekitar sepertimana yang ditekankan dalam perundangan Islam.

Dalam memastikan kualiti air ini diurus dengan baik, antara mekanisme yang penting dalam mengawal pencemaran adalah melalui mekanisme perundangan. Oleh kerana isu air ini merupakan isu global, terdapat pelbagai undang-undang air di peringkat antarabangsa dilaksanakan dan memerlukan kerjasama serantau bagi memastikan pengurusan air di peringkat global komprehensif dan bersepadu. *United Nations* antara badan yang aktif dengan usaha memelihara dan memulihara air melalui *United Nations Environmental Programme*⁷ dan *United Nations Conference on Environment and Development*⁸. Namun, walaupun terdapat pelbagai undang-undang di pelbagai peringkat, masalah pencemaran air ini masih tidak dapat diselesaikan.

Kita dapati undang-undang sedia ada terdapat banyak *lacuna* kerana ianya ciptaan manusia tidak seperti undang-undang Islam yang universal, komprehensif dan berteraskan wahyu yang kondusif diaplikasi sepanjang zaman di seluruh dunia. Pelbagai masalah timbul implikasi agihan bidangkuasa inter-negara dan intra-negara. Masalah ini berlaku kerana sungai-sungai yang menjadi sumber utama bekalan air melintasi sempadan negeri dan negara. Masalah ini seterusnya membawa kepada kesulitan pelaksanaan penguatkuasaan. Pelbagai isu lain berbangkit yang menyentuh hak asasi manusia untuk mendapatkan air dengan kuantiti dan kualiti yang mencukupi seperti isu-isu pemilikan air dan penswastaannya. Para sarjana perundangan Islam telah mengupas perkara-perkara ini

⁷ UN Water, <http://www.unwater.org/worldwaterday/campaign.html>, 7 Januari 2010.

⁸United Nation Environmental Programme, <http://www.unep.org/environmentalgovernance/SearchResults/tabid/181/language/en-US/Default.aspx?Search=water>, 7 Januari 2010.

sedari dulu lagi. Maka kajian lanjut perlu dilakukan untuk menyesuaikan dengan pendekatan semasa.

Di Malaysia, sebenarnya, undang-undang sekatan pencemaran air ini dilihat menunjukkan unjuran positif kerana menurut Laporan Tahunan JAS 2007, sungai bersih semakin meningkat. Namun, ianya hanya mampu untuk mengawal pencemaran dari punca tetap. Sedangkan punca pencemaran yang lebih besar adalah dari bahan buangan domestik oleh penduduk perumahan. Ternyata masalah yang lebih besar adalah masalah etika masyarakat. Kesedaran dan kepekaan masyarakat dalam memulihara kualiti air dari pencemaran masih rendah terutama di negara-negara membangun seperti Malaysia. Masyarakat juga sering melakukan pembaziran dalam penggunaan seharian. Masalahnya adalah air sering dianggap sebagai sumber yang tidak terhad dan mudah diperolehi maka ianya dibazirkan sedangkan ianya adalah sumber yang terhad.

Justeru, pendekatan undang-undang Islam perlu dikaji lebih mendalam kerana undang-undang Islam bersifat universal sesuai digunakan di seluruh dunia, di mana-mana lokasi dan pada bila-bila masa. Ia juga menekankan aspek etika masyarakat. Jika dilihat sejarah, undang-undang air Islam ini telah diperuntukkan dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* yang merupakan kod undang-undang sivil Islam semasa empayar Turki 'Uthmaniyyah. Maka, ia dilihat begitu relevan dan komprehensif bagi menangani masalah pemuliharaan kualiti air ini. Kajian ini akan membuat perbandingan pendekatan undang-undang antarabangsa dan di Malaysia dan menilai potensi undang-undang Islam untuk diterapkan prinsip, pendekatan dan nilai-nilainya dalam undang-undang air sedia ada. Namun, pendekatan undang-undang dilihat hanya mampu mencegah dan mengawal.

Tiga badan utama yang berkompeten terhadap masalah pencemaran air iaitu Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan JAS yang merupakan agensi pusat. Kajian ini akan menilai JAS sebagai badan penguatkuasa terhadap kes-kes pencemaran air daratan dan melihat masalah-masalah dalam penguatkuasaan dan pendakwaan serta meneliti kes-kes pencemaran air daratan dengan melihat alasan penghakiman dan hukuman yang dijatuhkan. Kajian ini juga bukanlah bermaksud untuk menggubal undang-undang sedia ada dan membawa masuk undang-undang Islam secara total tetapi dengan menilai keselarasannya dengan kehendak Islam kerana bidangkuasa berkaitan air bukanlah terletak di bawah bidangkuasa undang-undang syariah.

1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Kebanyakan negara-negara membangun termasuk Malaysia sememangnya tidak dapat lari daripada masalah pencemaran alam sekitar kerana implikasi industrialisasi. Namun kajian ini akan berfokus kepada pencemaran air sahaja. Persoalannya kenapakah pencemaran air perlu diberi perhatian serius? Hal ini kerana pencemaran air bukan sahaja memakan belanja yang besar untuk pemuliharaannya dan member impak negatif terhadap kesihatan tetapi juga membawa maut kepada hidupan akuatik khususnya malah manusia juga. Apa yang merisaukan, kajian saintifik mendapati terdapat dadah seperti ubat hormon dan antibiotik yang terlarut di dalam air minuman.⁹

Sungai-sungai di Malaysia yang penuh dengan bahan buangan telah dicop sebagai sungai tong sampah.¹⁰ Apa yang menghairankan, Malaysia sebenarnya antara negara yang paling banyak dasar alam sekitar dan mempunyai banyak undang-undang yang menyekat

⁹ Medicinenet.com, <http://www.medicinenet.com/script/main/art.asp?articlekey=87742>, 10 Januari 2009.

¹⁰ Utusan Malaysia, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1127&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sabah_%26_Sarawak&pg=wb_01.htm, 27 November 2009.

dan mengawal pencemaran air seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan sebagainya. Namun, mengapakah masalah pencemaran air ini tidakpun menunjukkan unjuran-unjuran positif tetapi yang berlaku adalah *vice-versa*. Mengapakah masalah pencemaran ini tetap berterusan seolah-olah undang-undang tersebut bagaikan hidup segan mati tak mahu. Atau adakah dakah mekanisme undang-undang bukan mekanisme terbaik bagi mengawal masalah pencemaran air?

Setiap kali berlaku masalah pencemaran air, pihak yang sering dipersalahkan adalah JAS. Adakah JAS tidak menjalankan penguatkuasaannya? Atau adakah penguatkuasaannya begitu lemah? Perkara ini perlu dikaji dengan teliti. Adakah mungkin kerana banyaknya undang-undang menyebabkan berlaku pertindihan bidangkuasa. Di dalam Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa air merupakan bidangkuasa negeri sedangkan masalah pencemaran bukannya mengenal batas sempadan negeri dan perkara ini sekali lagi mengundang masalah.

Timbul lagi persoalan, siapakah sebenarnya yang berbidangkuasa dalam mengawal pencemaran air? Sebenarnya terdapat tiga badan yang berkompeten dan berbidangkuasa dalam mengawal masalah pencemaran air iaitu JAS, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. JAS hanya mengawal pencemaran sungai dari punca-punca tetap. Justeru, bagaimana pula dengan sumber pencemaran dari punca-punca tidak tetap? Sedangkan pencemaran air banyak berpunca dari sampah sarap domestik selain dari sisa industri. Lokasi kajian ini adalah di negeri Selangor. Ini kerana pencemaran air yang paling banyak

berlaku seperti yang dilaporkan oleh JAS adalah di negeri Selangor.

Selain mencuba mencari penyelesaian kepada isu di atas, kajian ini secara spesifiknya mengetengahkan undang-undang alternatif yang dilihat lebih universal, komprehensif dan bersepadu dalam menyelesaikan masalah pencemaran air ini. Undang-undang alternatif yang dimaksudkan adalah undang-undang Islam. Penerapan nilai-nilai undang-undang Islam boleh diasimilasikan melalui proses harmonisasi dengan *Common Law*. Mengapakah undang-undang Islam menjadi pilihan? Apa yang difahami, isu-isu pencemaran merupakan isu yang sensitif dan untuk membangkitkan rasa sensitif dan kepekaan masyarakat dalam memelihara dan memulihara air ini perlulah juga merujuk kepada undang-undang yang bersifat keagamaan. Ini kerana masyarakat secara fitrahnya akan lebih prihatin jika sesuatu isu dikaitkan dengan nilai keagamaan. Justeru, kita dapati banyak juga kajian bidang alam sekitar dari perspektif pelbagai agama seperti Islam, Kristian, Budha, Hindu juga Shinto.¹¹ Namun, undang-undang Islam dilihat lebih universal. Malah, *World Health Organization (WHO)* juga telah mempromosikan pendekatan undang-undang Islam berkaitan air dan sanitasi.¹²

Terdapat pelbagai konsep dalam undang-undang Islam berkaitan pengurusan air. Maka kajian ini akan menilai adakah konsep-konsep ini masih boleh diterimapakai dan relevan untuk diimplimentasikan atau dijenamakan semula? Adakah undang-undang pengurusan air ini memiliki keselarasan dengan undang-undang Islam? Bagaimanakah

¹¹ Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong: PTS Publication. hh. 87-95.

¹² WHO, <http://apps.who.int/bookorders/anglais/detart1.jsp?sesslan=1&codlan=1&codcol=46&codcch=2014>, 7 Julai 2009.

penghakiman terhadap kes-kes pencemaran air dibuat dan adakah ianya juga menepati ajaran Islam?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN:

Dalam memastikan penyelidikan ini tidak tersasar dari landasannya, beberapa objektif dirangka agar matlamat dan kepentingannya mampu dicapai secara teori dan praktikal. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mendalami konsep-konsep dan metodologi perundangan Islam dalam mengawal kualiti air daripada pencemaran.
2. Mengkaji peranan Jabatan Alam Sekitar dalam mengawal kualiti air sungai dan mengenalpasti isu-isu perundangan dalam kes-kes pencemaran air daratan.
3. Menganalisis keselarasan antara pendekatan perundangan kontemporari dengan pendekatan perundangan Islam.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN:

Kepentingan kajian ini bukanlah ke arah melaksanakan undang-undang air Islam secara total kerana ianya bukanlah di bawah bidangkuasa undang-undang syariah tetapi untuk menilai keselarasannya dengan undang-undang Islam dan cuba melihat bagaimana cara menerapkan nilai-nilai Islam dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak-pihak berkompeten seperti JAS dan PBT. Penulis melihat kajian ini mempunyai kepentingan-kepentingan berikut:

1. Mengetengahkan konsep-konsep dalam undang-undang air Islam dalam menyelesaikan masalah pencemaran kepada institusi perundangan, berwajib dan

yang berkompeten sama ada kerajaan atau NGO, pengamal undang-undang dan masyarakat umum.

2. Mencadangkan penyelesaian masalah bidangkuasa dalam menguruskan perkara berkaitan air kepada pihak berwajib agar pengurusan air lebih bersepadu dan selaras dengan undang-undang air antarabangsa.
3. Menyokong usaha agensi-agensi alam sekitar kerajaan atau NGO seperti kempen, forum dan aktiviti-aktiviti sosial yang lain dalam usaha menyelamatkan alam sekitar dari sebarang pencemaran tegar dan menjadikannya lebih bersifat keagamaan.
4. Analisis yang dibuat dapat mengembangkan pemahaman masyarakat terhadap sistem pengurusan dan perundangan alam sekitar mengikut perspektif Islam dengan lebih komprehensif dan terperinci serta mencadangkan penyelesaian masalah pencemaran air yang sejajar dengan undang-undang Islam.
5. Mengemukakan model Indeks Kualiti Air Islam secara perbandingan.
6. Menggalakkan penyelidik-penyelidik untuk mempelbagaikan kajian lanjut berkaitan undang-undang air Islam agar undang-undang Syariah dilihat lebih global dan tidak tertakluk kepada skop bidangkuasa syariah sahaja.

1.6 SKOP KAJIAN:

Kajian ini merupakan satu kajian dalam bidang alam sekitar yang terdiri daripada komponen tanah, air, udara dan sebagainya. Skop utama yang diberikan adalah komponen air sahaja. Limitasi kajian ini adalah:

1. Kajian ini memfokuskan kepada aspek kualiti air yang menjurus kepada kawalan pencemaran air. Air yang dimaksudkan pula hanyalah air tawar iaitu air daratan (inland water) seperti sungai.

2. Analisis yang dilakukan hanyalah dari aspek perundangan sahaja yang dilakukan secara perbandingan meliputi undang-undang antarabangsa, undang-undang Islam dan undang-undang di Malaysia. Tumpuan diberikan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikuatkuasakan oleh JAS yang hanya mengawal pencemaran dari punca tetap (*point-source pollution*).
3. Kes-kes yang dianalisis pula hanya tertumpu kepada kes-kes pencemaran air daratan yang diputuskan pada tahun 2008-2009 sahaja yang diputuskan di mahkamah-mahkamah sesyen sekitar Negeri Selangor kerana kajian dibuat terhadap aspek penguatkuasaan dan pendakwaan di JAS Negeri Selangor.

1.7 SOROTAN LITERATUR:

Bidang kajian ini adalah berkaitan undang-undang alam sekitar perbandingan antara undang-undang Islam dan sivil. Setiap negara mempunyai undang-undang alam sekitar masing-masing. Namun, pencemaran alam sekitar tidak mengenal batas sempadan negara. Pencemaran air misalnya akan merebak mengikut aliran air. Persidangan Rio 1992 mendapati bahawa kerjasama negara-negara di dunia sangat penting bagi menangani krisis alam sekitar selaras dengan Prinsip 24 Deklarasi Stockholom:

”International matters concerning the protection and improvement of the environment should be handled in a co-operative spirit by all countries, big and small, on equal footing. Co-operation through multilateral and bilateral arrangements or other appropriate means is essential to effectively control, prevent, reduce, and eliminate adverse environmental effects resulting from activities conducted in all spheres in such a way that due account is taken of the sovereignty and interests of all states.”

Justeru, kajian melalui pendekatan pengantarabangsaan undang-undang alam sekitar menjadi semakin berkembang. Pelbagai triti multilateral dan persetujuan antarabangsa diratifikasi. Antara hasil penulisan berkaitan adalah *International Environmental Law*

*Digest*¹³; *International Environmental Conventions and Treaties*¹⁴; *International Environmental Law*.¹⁵ dan *Basic Documents of International Environmental Law*¹⁶. Pendekatan ini selaras dengan dasar alam sekitar Islam yang sedang dikaji penulis. Ia berteraskan konsep kesatuan aqidah dan *takaful* yang menekankan prinsip bumi sebagai *amanah*, manusia sebagai *khalifah* dan mempunyai hubungan spiritual dan ketuhanan serta konsep *habl min Allah wa habl min Al-Nas*.

Penulisan-penulisan dalam bidang alam sekitar semakin lama semakin cenderung untuk mencari penyelesaian masalah alam sekitar dari perspektif keagamaan sama ada Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Shinto. Di dalam buku *International Environmental Law*¹⁷ menyatakan bahawa pengaruh undang-undang alam sekitar antarabangsa berasaskan kepada nilai-nilai dan sumber-sumber keagamaan. Harvard University Press juga banyak menerbitkan buku-buku tentang ekologi dan agama seperti *Islam and Ecology*¹⁸, *Christianity and Ecology*, *Buddha and Ecology* dan *Hindu and Ecology*. Hal ini kerana, setiap agama mempunyai nilai-nilai yang positif terhadap alam sekitar dan alam sekitar dilihat sebagai medium perantara yang penting antara manusia yang kuasa ketuhanan. Hal yang sama juga diterapkan di dalam buku karangan Mohd Zuhdi Marsuki berjudul *Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam, Timur dan Barat*.¹⁹ Namun, kajian penulis bukanlah kajian perbandingan antara agama tetapi memfokuskan terus kepada agama Islam.

¹³ Andronico O. Adede (1993), *International Environmental Law Digest*. Amsterdam: Elsevier Science Publishers B.V.

¹⁴ Mohd Afandi Salleh (2002) *International Environmental Conventions and Treaties*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

¹⁵ M. Sabri Yusof (2000), *International Environmental Law*. Kuala Lumpur: International Law Book Services

¹⁶ Jur. Harald Hohmann (1992) *Basic Documents of International Environmental Law*. London: Graham & Trotman Limited. Vol.1.

¹⁷ Alexandre Kiss & Dinah Shelton (2004) *International Environmental Law*. New York: Transnational Publishers. 3rd Edition.

¹⁸ Richard C. Foltz *et al.* (2003) *Islam and Ecology*. USA: Harvard University Press.

¹⁹ Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong: PTS Publication. 118-135.

Pemuliharaan kualiti air merupakan aspek penting dalam melestarikan alam sekitar. Pelbagai teori dan polisi alam sekitar secara tersurat dan tersiratnya terdapat di dalam sumber-sumber perundangan Islam yang meliputi aspek pencegahan dan pengawalan pencemaran, pengurusan dan pembangunan mampan. Banyak penulisan yang mengupas tentangnya seperti karya A.R. Agwan berjudul *Islam and Environment*²⁰; Fazlun Khalid & Joanne O'Brien, *Islam and Ecology*²¹; Ahmad Ar-Raisouni, *Environmental Studies Some Problems Analyzed from The Islamic Point of View*²²; Dalilah Dali & Abu Bakar Yang, *Alam Sekitar Augerah Tuhan*²³; Fachruddin M. Mangunjaya, *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi dan Gerakan Lingkungan Hidup*²⁴; Mujiyono Abdillah, *Agama Ramah Lingkungan Perspektif al-Quran*²⁵; Abu Bakar Abdul Majeed dan Abu Bakar Yang, *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*²⁶; Abu Bakar Yang, *Islam dan Pembangunan Habitat di Malaysia*.²⁷

Melalui penilaian penulisan-penulisan ini, didapati diskusinya lebih bersifat falsafah dan bersandarkan kepada teori umum dan merujuk secara langsung kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sehingga terdapat tokoh falsafah Islam yang banyak menulis tentang alam sekitar dari perspektif falsafah iaitu Seyyed Hossein Nasr. Antara buku utamanya seperti *Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man*.²⁸ Selain beliau, terdapat juga tokoh falsafah alam sekitar di Malaysia seperti Osman Bakar dengan

²⁰ A.R. Agwan (ed.) (1997) *Islam and Environment*. Kuala Lumpur: Synergy Book International

²¹ Fazlun Khalid & Joanne O'Brien (1992) *Islam and Ecology*

²² Ahmad Ar-Raisouni (1999) *Environmental Studies Some Problems Analyzed from The Islamic Point of View*. Morocco: ISESCO.

²³ Dalilah Dali & Abu Bakar Yang (2007), *Alam Sekitar Augerah Tuhan*, Ed. Ke-3, h.8, Putrajaya: Jabatan Alam Sekitar.

²⁴ Fachruddin M. Mangunjaya (ed) *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi dan Gerakan Lingkungan Hidup*. Jakarta: Conservation International.

²⁵ Mujiyono Abdillah (2001), *Agama Ramah Lingkungan Perspektif al-Quran*. Jakarta: Paramadina.

²⁶ Abu Bakar Abdul Majeed dan Abu Bakar Yang (2000), *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: IKIM.

²⁷ Abu Bakar Yang (2005), *Islam dan Pembangunan Habitat di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

²⁸ S.H. Nasr (1997), *Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man*. Chicago: KAZI publication.

karyanya yang terkini *Environemntal Wisdom for Planet Earth: The Islamic Heritage*²⁹. Beliau berpendapat bahawa dalam memupuk kesedaran dan membentuk pemikiran masyarakat yang bijak mengurus alam sekitar perlulah dibuat melalui dialog peradaban.

Justeru, penulis pula akan membincangkan secara terperinci dari perspektif undang-undang supaya kajian ini lebih praktikal daripada kajian-kajian sebelum ini. Bagi penulis pendekatan perundangan lebih praktikal untuk diimplimentasikan berbanding hanya membuat kajian dari perspektif falsafah. Namun, teori-teori inilah yang menjadi kerangka asas kepada pembentukan *fiqh al-Bi'ah* yang menekankan konsep seperti *sunnatullah*, *i'mar* dan *taskhir*, larangan pembaziran (*israf* dan *tabdhir*) dan sebagainya. Prinsip-prinsip ini mampu membentuk satu sistem undang-undang alam sekitar Islam yang cuba diketengahkan oleh penulis dalam kajian ini dan bersifat komprehensif malah dilengkapi lagi dengan prinsip-prinsip syariah seperti *'adl* dan *i'tidal*; teori-teori fiqh seperti *harim*, *hima*, *haq al-syarb* dan *haq al-syafah*; metodologi fiqh seperti *maslahah*.

Kesemua teori ini diaplikasikan dalam aspek penggunaan air, pengurusan sumber air bersepadu, pencegahan pencemaran air dan kawalan kualiti serta kuantitinya sepertimana dalam buku *Water Mangement in Islam*³⁰ yang telah membincangkan bagaimana air diuruskan di kebanyakan negara-negara di Timur Tengah dengan menganalisisnya dari perspektif Islam. Ini termasuklah isu polisi pengurusan air, keperluan air oleh masyarakat, guna semula sisa kumbahan dan juga cukai terhadap penggunaan air. Antara penulisan yang menggunakan pendekatan yang sama adalah *Minerals Invesment under the Shar'a Law*,³¹ *Wastewater Reuse in Muslim Countries: An Islamic Perspective*³²;

²⁹ Osman Bakar (2007), *Environemntal Wisdom for Planet Earth: The Islamic Heritage*. Kuala Lumpur: Center for Civilization Dialogue, University of Malaya.

³⁰ Naser I. Faruqi, e.d, (2001) *Water Mangement in Islam*. New York: United Nations University Press

³¹ Walied M. H. El-Malik (1993), *Minerals Invesment under the Shar'a Law*. London: Graham & Trotman Limited.

*Islamic Water Management*³³ dan *Application of Islamic Legal Principles for Advanced Water Management*³⁴. Secara kolektif, perbincangan mengenai *taharah* menjadi asas perbincangan tentang kualiti air. Ini dinyatakan juga dalam Artikel Jurnal Usuluddin berjudul *Kebersihan Alam Sekitar Mengikut Perspektif Islam* oleh Mohd Muhiden Abd. Rahman.

Namun, undang-undang air Islam dilihat agak ketinggalan berbanding undang-undang sivil. Undang-undang sivil berkaitan pengurusan air yang dikuatkuasakan sekarang ini dilihat begitu meluas dan ditil meliputi pelbagai aspek seperti pengurusan sumber air, pengairan dan saliran, pencegahan pencemaran dan kawalan kualiti dan kuantiti. Ini dapat dilihat dalam Patricia Thomas et. al (1992) *Water Pollution Law and Liability*, London: International Bar Association; William H. Rodgers, Jr. (1986) *Environmental Law Air and Water*, Vol. 2, Minnesota: West Publishing Co dan Gyandra Kumar, K.B. Asthana & S.K Gadi (1992), *Lal's Commentaries on Water and Air Pollution Laws*, 3rd. Ed. Allahabad: Law Publishers India (P) Ltd. serta Abdul Aziz Hussin (2000), *Undang-undang Berkaitan Dengan Air: Iktisar dan Komentari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun undang-undang air dan pengurusan sumber air bersepadu dilihat begitu lengkap, namun, pelbagai masalah timbul sama ada dari aspek pengurusan mahupun pencemaran tetap timbul malah makin berleluasa.

Di Malaysia, kajian mengenai pengurusan alam sekitar dan air menurut perspektif Islam semakin menggalakkan. Pendekatan-pendekatan yang dibuat mempunyai persamaan dengan pendekatan penulis. Namun, penulisan-penulisan ini bukanlah berbentuk kajian perundangan seperti yang dibuat oleh penulis. Misalnya karya Zahari b. Mahad Musa

³² Shaukat Farooq & Zafar I. Ansari, (1983) *Wastewater Reuse in Muslim Countries: An Islamic Perspective*. New York: Springer-Verlag New York Inc.

³³ Hussein A. Amery (2001) *Islamic Water Management*. International Water Resources Association.

³⁴ Walid A. Abderrahman (2000) *Application of Islamic Legal Principles for Advanced Water Management*. International Water Resources Association.

bertajuk *Fiqh al-Bi'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari*;³⁵ *Aplikasi Kaedah Fiqh dalam Pemuliharaan Alam Sekitar: Kajian Kes Program Kitar Semula di Seksyen 20, Shah Alam, Selangor*³⁶; *Konsep dan Dimensi Alam Sekitar: Kupasan Dasar-dasar Islam dalam Pemeliharaannya berdasarkan Al-Quran dan Sunnah*³⁷ dan *Indeks Kualiti Air dari Perspektif Islam*³⁸.

Justeru, kajian ini perlu dilakukan untuk melihat bagaimana pula pendekatan undang-undang Islam dalam mengawal kualiti air bagi menjamin kelestarian alam sekitar dan keseimbangan ekologi serta kesinambungan kehidupan akan datang. Ini kerana sistem kehidupan Islam yang menekankan aspek aqidah, syariah dan akhlak dilihat begitu kondusif dan efektif dalam menangani isu pencemaran air. Nilai dan etika yang diterapkan Islam selaras dengan pandangan semesta yang menitikberatkan keharmonian sejagat menjadi pelengkap dalam sistem perundangan alam sekitar Islam. Ia dinyatakan dengan jelas dalam Ziauddin Sardar, *Sentuhan Midas: Sains, Nilai dan Persekitaran Menurut Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Mohd Zuhrir Marsuki (2002), *Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong: PTS Publication.

Justeru, kajian penulis akan cuba memenuhi lakuna penulisan sedia ada dengan skop yang ditetapkan. Nilai-nilai dalam perundangan Islam akan dianalisis secara saintifik dan diperantarabangsakan. Dalam masa yang sama, nilai-nilai seperti falsafah perundangan Islam, etika dan estetika tetap digarap agar kajian ini menjadi komprehensif.

³⁵ Zahari Musa (2008), "Fiqh al-Bi'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari" (Kertas Kerja Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari di Universiti Sains Malaysia, 29-30 Oktober 2008).

³⁶ Mohd Takiyuddin Ibrahim *et al.* (2008), "Aplikasi Kaedah Fiqh dalam Pemuliharaan Alam Sekitar: Kajian Kes Program Kitar Semula di Seksyen 20, Shah Alam, Selangor" (Kertas Kerja Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari di Universiti Sains Malaysia, 29-30 Oktober 2008).

³⁷ Nidzamuddin Zakaria *et al.* (2008) "Konsep dan Dimensi Alam Sekitar: Kupasan Dasar-dasar Islam dalam Pemeliharaannya berdasarkan Al-Quran dan Sunnah" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Agro, Sains dan Teknologi di Universiti Malaya, 1-2 April 2008).

³⁸ Hasan Bahrom *et al.* (2008) "Indeks Kualiti Air dari Perspektif Islam" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Agro, Sains dan Teknologi di Universiti Malaya, 1-2 April 2008).

1.8 METODOLOGI KAJIAN:

1.8.1 Pengumpulan Data:

Metod ini bagi mendapatkan fakta sebenar berkaitan konsep, dasar, pengurusan dan perundangan alam sekitar terutamanya air di Malaysia dan perspektif Islam:

a) Kajian Perpustakaan

Metodologi ini diaplikasikan tanpa henti sepanjang penyelidikan ini kerana memerlukan pembacaan yang luas baik dari perspektif falsafah Islam, pengurusan, perundangan Islam dan semasa. Metodologi ini penting bagi memantapkan konsep-konsep baru, terma-terma saintifik untuk diasimilasikan ke dalam undang-undang Islam kontemporari bagi memudahkan penerimaan dan pemahaman masyarakat. Oleh kerana undang-undang Alam Sekitar Islam sesuatu yang agak baru untuk dijenamakan semula, maka rujukan lebih mengutamakan sumber-sumber primer perundangan Islam dan kitab-kitab fiqh yang mu'tabar sama ada merupakan karya cendiakawan Islam tradisional mahupun moden bagi menganalisis ijtihad kontemporari. Sumber-sumber sekunder juga amat penting seperti buku bagi mengetahui perkembangan semasa terhadap isu-isu pencemaran air sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

8.1.2 Kajian Lapangan

a) Temubual Tidak Berstruktur

Sesi temubual tidak berstruktur yang dijalankan sepanjang kajian ini dengan pihak-pihak yang berkaitan adalah seperti berikut:

- 1) Encik Rosli Zul, Ketua Pendakwa, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.
Temubual dibuat bagi mendapatkan informasi berkaitan pendakwaan dan penghakiman kes-kes pencemaran air daratan yang telah diputuskan. Temubual juga

adalah untuk menjelaskan kekeliruan dalam isu-isu pencemaran air daratan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

- 2) Haji Hashim bin Daud, Pengarah Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Temubual berkisarkan bidangkuasa JAS dalam isu pencemaran air, standard kualiti, punca-punca pencemaran air dan masalah-masalah perundangan yang dihadapi.
- 3) Mr. Ho Tsun Lin, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah. Temubual berkisar pengairan pertanian. Ianya untuk mengetahui sejauhmana aktiviti pertanian ini mencemarkan air dan strategi JPS untuk mengawal kualiti air untuk tujuan agrikultur dan isu-isu perundangan.

b) Observasi

Boleh ditakrifkan sebagai mengukur kebolehan pemboleh ubah penyelidikan. Merupakan satu teknik mengumpul data berdasarkan pengamatan secara langsung terhadap subjek sama ada berdasarkan kepada situasi sebenar atau dilakonan semula. Penulis melihat sendiri proses perbicaraan kes-kes pencemaran air daratan. Penulis juga turut mengikuti pegawai kualiti memeriksa premis-premis yang melakukan pencemaran air daratan.

Observasi juga dilakukan di kawasan pedalaman bagi melihat sendiri kesedaran masyarakat dalam memulihara air kerana masih terdapat segolongan mereka yang menggunakan air secara langsung dari sungai.

b) Dokumentasi Institusi

Satu bentuk pengumpulan data bertulis yang memberi pelbagai keterangan³⁹ melalui fakta, carta, rajah, surat atau idea ataupun melalui dokumen berkaitan. Dokumen di sini

³⁹ Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 49.

bermaksud suatu bahan bertulis yang terjamin keasliannya dan dapat memberi penerangan terhadap gambar, kompilasi undang-undang, peraturan-peraturan, buku-buku, risalah-
risalah, al-Quran dan al-Sunnah. Dokumen seperti Laporan Tahunan JAS, pamflet-pamflet berkaitan berkaitan pencemaran air, kes-kes dan sebagainya.

8.2 Penganalisan Data:

8.2.1 Analisis Deskriptif

Metodologi isi diaplikasi bagi menganalisis dapatan kajian. Bagi pentafsiran ayat al-Quran, kitab-kitab *tafsir bi al-Ma'thur* digunakan yang menggunakan metodologi pentafsiran yang standard seperti *Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an*, *Tafsir al-Qur'an bi al-Sunnah*, *Tafsir al-Qur'an bi Aqwal al-Sahabat dan Tabi'in* seperti *Kitab Jami' al-Bayan fi Ta'wil ayi al-Qur'an* dan *al-Durr al-Mansur fi Tafsir al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'y* juga digunapakai. Kitab terjemahan juga digunakan seperti kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman. Kitab-kitab hadis juga digunapakai dan hanya berfokus kepada Sunan Sittah.

6.2.2 Analisis Komparatif

Terdapat banyak aspek yang memerlukan perbandingan dalam kajian ini. Dari perspektif undang-undang, penulis membandingkan antara undang-undang Islam dan undang-undang di Malaysia serta undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan pengawalan pencemaran air. Analisis yang dilakukan memberi fokus kepada pendekatan perundangan Islam. Kajian ini melihat persamaan dan perbezaan yang didapati antara undang-undang Islam dan undang-undang yang dikuatkuasakan sekarang. Bagi aspek kualiti air pula, perbandingan dibuat antara standard *taharah* dan *najasah* dengan Indeks Kualiti Air.

6.2.3 Analisis Induktif

Proses ini menghasilkan konklusi yang general berdasarkan hukum yang sama pada data-data khusus. Konklusi yang dibuat ini dapat memberikan idea dan dapatan baru secara komprehensif.⁴⁰ Bermula daripada data-data lapangan yang berkaitan pengurusan dan perundangan alam sekitar melalui konsep masalah dan mafsadah dan disimpulkan dalam bentuk undang-undang yang lebih universal.⁴¹

6.2.4 Analisis Deduktif

Ianya akronim kepada analisis induktif iaitu mengeluarkan kesimpulan daripada penemuan. Bermula dengan rumusan universal yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Butir-butir berkaitan falsafah alam sekitar bersumberkan daripada para mufassir, muhaddith dan fuqaha'. Misalnya konsep *al-Amr* dan *al-Nahy* dianalisis untuk diaplikasi sebagai dasar perlindungan alam sekitar dan pencegahan pencemaran.⁴²

⁴⁰ Roy Preece (1994), *Starting Research An Introduction to Academic Research and Dissertation Writing*. UK: Pinter Publisher, h. 55.

⁴¹ Sukarni (2007), *op. cit.*, h. 192

⁴² Ibid.